

# Lindungi anak daripada pedofil

## Keluarga

**T**AHUKAH anda bahawa jenayah seksual terhadap kanak-kanak boleh dikaitkan sebagai gejala pedofilia yang teruk? Pedofilia adalah sejenis penyakit yang merujuk kepada kecelaruan seksual menyebabkan seseorang mempunyai tarikan seksual terhadap kanak-kanak dan peringkat awal remaja 13 hingga 15 tahun.

**Pensyarah dan Pakar Perubatan Kecemasan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Dr. Shamsuriani Md. Jamal** berkata, walaupun pendera seksual kanak-kanak tidak semestinya seorang pedofil, namun mereka yang mengalami pedofilia pada tahap kritikal akan terdorong melakukan jenayah seks yang lebih berat.

Beliau yang juga Pengerusi Malaysians Against Pornography (MAP) berkata, gejala yang dialami seorang pedofil antaranya mendapat rangsangan atau keterujaan seksual apabila melihat kanak-kanak tidak berbau dan berfantasi dengan gambar, video atau laman web lucah melibatkan kanak-kanak.

"Langkah seterusnya, mereka mungkin bertindak atas dorongan fantasi dengan melakukan perbuatan seks (yang dilihat) dengan kanak-kanak seperti menyuruh mereka melakukan seks oral atau memegang bahagian sulit. Lebih teruk, mereka melakukan penderaan seksual dan jenayah rogol yang boleh menyebabkan kematian.

"Golongan pedofil lazimnya terdiri daripada lelaki dewasa yang tertarik secara seksual terhadap kanak-kanak lelaki atau perempuan berusia 13 tahun dan ke bawah. Bukan mudah untuk 'mengesan' mereka kerana jarang ada yang tampil secara sukarela untuk mendapatkan rawatan, jauh sekali membuat pengakuan," katanya.

Pengalaman dicabul, diliwat atau didera secara seksual semasa kecil menjadi antara faktor penyumbang kepada gejala pedofilia manakala gemar menyimpan bahan lucah kanak-kanak adalah antara tanda seseorang itu berkemungkinan pedofil.



**MAKLUMAT** peribadi seperti nama (termasuk nama timangan), gambar, usia anak serta aktiviti harian keluarga tidak harus dikongsi dalam laman sosial. - GAMBAR HIASAN

### ELAK KONGSI MAKLUMAT

Sikap ibu bapa yang gemar berkongsi gambar dan maklumat peribadi anak dalam laman sosial boleh mengundang kepada jenayah tersebut.

"Maklumat peribadi seperti nama (termasuk nama timangan), gambar, usia anak serta aktiviti harian keluarga tidak harus dikongsi dalam laman sosial. Maklumat itu yang disangka hanya dikongsi dengan keluarga atau rakan terdekat, hakikatnya turut dikongsi dengan orang luar secara tidak langsung.

"Maklumat inilah yang dicari dan boleh digunakan seseorang untuk melakukan aktiviti pengantunan seksual yang mana media sosial menjadi antara platform utama aktiviti tidak bermoral itu," jelasnya.

Menurutnya, penderaan seksual tidak semestinya melibatkan sentuhan, sebaliknya dalam alam maya juga boleh berlaku apabila si pelaku mengambil kesempatan ke atas kanak-kanak.

Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak di alam maya. Kaji selidik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017 yang melibatkan kira-kira 27,000 responden remaja sekolah menunjukkan enam

daripada tujuh remaja adalah pengguna internet yang aktif serta dua daripada tujuh remaja mengalami ketagihan internet.

"Akses pornografi melalui talian internet dan telefon pintar kini menjadi sumber yang teramat sukar dikawal. Pemberian gajet tanpa pemantauan adalah 'resipi'

anak-anak terjebak dengan bahan pornografi. Perlu ada pengawasan di rumah, contohnya anak-anak tidak dibenarkan membawa gajet ke dalam bilik tidur, internet hanya dibenarkan pada waktu tertentu, memasang 'network filter' di rumah dan menggunakan komputer atau gajet hanya di ruang tamu," katanya.

### PENDAFTARAN BERPUSAT

Selain itu, anak-anak juga perlu diberitahu mengenai pornografi termasuk akibat dan tindakan yang perlu diambil sekiranya terakses ke laman yang tidak sepatutnya. Ibu bapa pada masa sama perlu menjadi teladan kerana banyak kes ketagihan bahan pornografi melibatkan golongan dewasa. Mereka terlebih dahulu perlu memahami bahawa melayari laman pornografi adalah salah dari segi moral dan agama termasuk menandatangani kesan pada diri, hubungan dan perkahwinan.

Menyifatkan pornografi sebagai 'dadah' alaf baru, beliau turut menambah, MAP bergiat aktif dalam memberi pendidikan seksualiti, kesan pornografi serta media sosial kepada golongan ibu bapa, guru dan masyarakat.

Turut menyentuh kes penderaan dan kematian bayi serta kanak-kanak yang berlaku di pusat jagaan harian, Dr. Shamsuriani berkata, sudah tiba masanya kerajaan merangka satu pendaftaran berpusat untuk mereka yang bekerja dengan kanak-kanak.

"Sebagaimana seorang doktor perlu mendapatkan lesen untuk merawat orang sakit, begitu juga mereka yang ingin bekerja dengan kanak-kanak. Mereka perlu didaftarkan dan mendapat lesen. Melalui pendaftaran berpusat ini, kerajaan boleh memastikan mereka yang ingin bekerja dengan kanak-kanak tidak mempunyai laporan polis (termasuk kes yang telah ditutup atau dalam siasatan) serta tidak mempunyai rekod jenayah (sama ada disabit kesalahan atau menunggu kes mahkamah) dan sebagainya.

"Mereka juga wajib mempunyai sijil asas kecemasan kanak-kanak. Ini bukan sahaja memberi pilihan kepada ibu bapa, bahkan mereka lebih yakin untuk menghantar anak-anak kepada penjaga berdaftar," katanya yang turut menambah pendaftaran berpusat seperti ini terdapat di negara seperti Australia, Kanada dan United Kingdom. - BERNAMA



**DR. SHAMSURIANI MD. JAMAL**